



Ruj. Tuan : PKRSM/PTD/101-2(3/2025)
Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 JLD 44C 35-)
Tarikh : 30 September 2025

Ketua Pegawai Eksekutif
Perunding KRS Musleh Sdn. Bhd.
6-1 Jalan Dagang SB 4/1, Taman Sg. Besi Indah
43300 Seri Kembangan
Selangor

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI 9TH INTERNATIONAL ECO NATURE VIRTUAL RUN (IENVR) 2025 ANJURAN PERUNDING KRS MUSLEH SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan perkara ini berkaitan dengan surat daripada pihak tuan bertarikh 29 Ogos 2025 dengan nombor rujukan PKRSM/PTD/101-2(3/2025).

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Perunding KRS Musleh Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **9th International Eco Nature Virtual Run (IENVR) 2025** yang telah dilaksanakan pada **1 Jun hingga 31 Julai 2025** secara dalam talian.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang telah dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan adalah pada **Penglibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid. Markah ini akan diambil kira dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti dalam lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Encik Nazar bin Mamat** di talian **03-88721645** atau melalui e-mel **nazar.mamat@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMAD ZAIDI BIN ISHAK D.P.T., P.M.C.)

b.p. Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN
KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN
DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PENGLIBATAN II	i. Program pertandingan/ kejohanan/ perkhemahan/ kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara.
PENGLIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Penglibatan murid sebagai penyokong atau penonton.

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/ Daerah	11	8	4

**RINGKASAN PENGIKTIRAFAN BAGI PROGRAM
SECARA BERSEMUKA DAN DALAM TALIAN**

Penyertaan Bersemuka		Penyertaan Secara Dalam Talian	
Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)	Peringkat	Jumlah Penyertaan (sekurang-kurangnya)
Antarabangsa	3 Negara	Antarabangsa	5 Negara
Kebangsaan	3 Negeri	Kebangsaan	5 Negeri
Negeri	4 Daerah	Negeri	5 Daerah
Daerah	5 Sekolah	Daerah	6 Sekolah

Perincian ringkasan pengiktirafan boleh dirujuk dalam Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (tarikh kemas kini: 3 Jun 2025)